



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

PENYALURAN TENAGA ELEKTRIK HIJAU PERTAMA DARI MALAYSIA KE SINGAPURA BERMULA 13 DISEMBER 2024

KUALA LUMPUR, 13 Disember 2024 – Lanjutan daripada pemeteraian perjanjian Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu atau *Renewable Energy Supply Agreement* (RESA) antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sembcorp Power Pte Ltd (Sembcorp Power) pada 9 Disember 2024 yang lalu, penyaluran tenaga elektrik hijau pertama dengan kapasiti 50MW dari Malaysia ke Singapura telah bermula hari ini.

Detik bersejarah bagi perdagangan tenaga elektrik hijau merentas sempadan antara Malaysia dan Singapura ini telah disaksikan YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air bersama pengurusan tertinggi dari Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Suruhanjaya Tenaga dan juga TNB, di Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional atau *National Load Dispatch Centre* di Ibu Pejabat TNB Bangsar.

TNB selaku syarikat utiliti nasional bertanggungjawab menyalurkan bekalan elektrik hijau dari sistem bekalan elektrik negara ke sistem bekalan elektrik Singapura melalui Syarikat Sembcorp Power yang merupakan pemegang lesen import bekalan elektrik di negara tersebut. Penyaluran tenaga elektrik ini dilakukan menerusi rangkaian sambung tara sedia ada di antara kedua-dua negara.

Pembekalan elektrik hijau merentas sempadan dari Malaysia ke Singapura yang ini adalah hasil daripada pelaksanaan bidaan menerusi *Energy Exchange Malaysia* (ENEGEM) pada bulan Jun 2024. Bidaan menerusi ENEGEM adalah sebahagian daripada inisiatif PETRA di bawah Skim Perdagangan Elektrik Merentas Sempadan untuk Tenaga Boleh Baharu atau *Cross-Border Electricity Sales for Renewable Energy Scheme* (CBES RE).

PETRA yakin pelaksanaan inisiatif pembekalan elektrik hijau merentas sempadan ini akan menyokong aspirasi peralihan tenaga negara serta menyumbang kepada komitmen Malaysia dalam menerajui inisiatif integrasi bekalan elektrik serantau melalui pelaksanaan Grid Kuasa ASEAN atau *ASEAN Power Grid*, yang merupakan salah satu agenda utama negara untuk kepengerusian ASEAN - Malaysia pada tahun 2025.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

13 DISEMBER 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

